KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 18 MEI 2017 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Orang ramai tak perlu panik, waspada layari laman sesawang di media sosial	Berita Harian
2	Dua serangan virus Ransomware dilapor	Utusan Malaysia
3	Virus WannaCry: Orang ramai tidak perlu panik	Utusan Malaysia Online
4	Kita pula menangis	Harian Metro
5	Situasi masih terkawal	Harian Metro Online
6	Jangan panik, ancaman 'Ransomware' terkawal	Berita Harian Online
7	Ransomware: Jangan panik, ruang siber dijamin dilindungi – Madius Tangau	Bernama Online
8	Jangan panik dengan serangan Ransomware WannaCry – MOSTI	Astro Awani
9	Jangan panik serangan 'Ransomware WannaCry'	Sinar TV
10	Ransomware Attack: MOSTI advises public not to panic, be aware of suspicious email	New Strait Times Online
11	Report Ransomware to us, says CyberSecurity Malaysia	The Star Online
12	Those affected by Ransomware urged to report to CyberSecurity	The Star

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (SERANGAN SIBER) : MUKA SURAT 22
TARIKH: 18 MEI 2017 (KHAMIS)

BILIK GERAKAN

MENJUARAI PENEROKAAN SAINTIFIK, MENGANJAK INOVASI

***Madius (tengah) bersama Ketua Setiausaha MOSTI, Mohd Azhar Yahaya (kiri)** dan Amirudin Abdul pada sidang media khas mengenai Ransomware WannaCry di Putrajaya, semalam.*

Orang ramai tak perlu panik, waspada layari laman sesawang di media sosial

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

▶ Putrajaya

Serangan siber membabitkan virus *Ransomware WannaCry* di negara ini, masih terkawal walaupun sudah melumpuhkan rangkaian komputer hampir 100 negara di seluruh dunia.

Menteri Sains, Teknlogi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Madius Tangau menasihati orang ramai agar tidak panik dan mempercayai pelbagai mesej yang viral menerusi laman sesawang sejak kebelakangan ini.

Pengguna, sebaliknya perlu lebih berwaspada setiap kali melayari laman sesawang terutama ketika menekan sebarang pautan di media sosial, termasuk imej dan video di WhatsApp, Facebook, Instagram, Twitter atau aplikasi lain.

"Organisasi atau pentadbir sistem perlu berwaspada serta bertindak melindungi, selain menjamin keselamatan infrastruktur rangkaian komputer mereka kerana serangan itu berpunca daripada kealpaan pengguna internet sendiri," katanya pada sidang media khas mengenai *Ransomware WannaCry*, di MOSTI, semalam.

Buat laporan segera

Madius berkata, orang ramai yang mempunyai masalah berkaitan virus berkenaan diminta segera tampil membuat laporan supaya pihak bertanggungjawab seperti Cyber-security Malaysia (CSM) untuk mengekang penularannya.

"Selain itu, saya meminta semua organisasi di bawah Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (CNII) terus memperkukuhkan sistem pertahanan siber, bagi melindungi rangkaian komputer masing-masing.

"Malah, CNII juga diingatkan menaik taraf sistem komputer dengan perisian terkini serta *patch* keselamatan bagi melindungi daripada serangan virus berkenaan," katanya.

Madius juga menasihatkan pengguna supaya tidak membayar sebarang wang tebusan bagi mendapatkan balik fail mereka yang hilang akibat serangan perisian terbabit.

Virus dalam pelbagai varian

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif CSM, Datuk Amirudin Abdul Wahab, berkata virus *Ransomware WannaCry* kini wujud dalam pelbagai nama serta varian.

"Antara nama dan varian digunakan, termasuk *Crytolocker, Crytowall, CBT Locker, Teslacrypt* dan *Locky*. Mungkin ramai mengalami masalah, namun tidak melaporkan kepada CSM, jadi susah untuk kami buat pengesahan.

"Umumnya virus ini berlaku apabila pengguna menerima e-mel yang ada lampiran mengandungi *malware*, apabila pengguna menekan pautan berkenaan *malware* ini akan masuk, seterusnya menjejaskan sistem komputer.

"Dahulu, *Ransomware WannaCry* hanya menyerang satu komputer sahaja, namun kini ia boleh 'berjangkit' kepada komputer lain, seterusnya merebak kepada satu jabatan atau agensi berkenaan," katanya.

Sementara itu, Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM) memaklumkan yang mesej viral berkaitan serangan Ransomware dan dakwaan Mesin Juruwang Automatik (ATM) seluruh negara akan ditutup selama dua hingga tiga hari adalah tidak benar.

AIBIM menerusi satu kenyataan, berkata semua saluran perbankan elektronik termasuk perbankan dalam talian dan ATM di bawah seliaan institusi ahlinya adalah terkawal daripada serangan siber itu dan beroperasi seperti biasa.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 4
TARIKH: 18 MEI 2017 (KHAMIS)

MALAYSIA tidak terkecuali daripada serangan siber 'Ransomware WannaCry'.

Dua serangan virus Ransomware dilapor

Oleh NUR NAZLINA NADZARI
pengarang@utusan.com.my

■ **PUTRAJAYA 17 MEI**

KEMENTERIAN Sains, Teknologi dan Inovasi melalui CyberSecurity Malaysia telah menerima dua laporan berkaitan insiden serangan siber 'Ransomware WannaCry' sejak semalam daripada institusi pendidikan dan syarikat swasta.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau berkata, bagaimanapun pihaknya percaya jumlah tersebut mungkin lebih banyak kerana mangsa tidak membuat laporan.

Katanya, kementerian bersama CyberSecurity Malaysia akan terus berusaha memastikan ruang siber negara sentiasa selamat daripada apa jua serangan dan ancaman siber.

Oleh itu, semua organisasi di bawah Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (CNII) digesa untuk terus memperkukuhkan sistem pertahanan siber bagi melindungi rangkaian komputer di organisasi masing-masing.

"Organisasi CNII diingatkan agar menaiktaraf sistem komputer dengan perisian terkini dan tampung (patch) keselamatan. CyberSecurity Malaysia sentiasa bersedia untuk memberi sokongan serta perkhidmatan berbentuk bantuan teknikal kepada 10 sektor CNII.

"Sektor-sektor tersebut adalah pertahanan dan keselamatan, perbankan dan kewangan, maklumat dan komunikasi, tenaga, air, pengangkutan, kesihatan, makanan dan pertanian, perkhidmatan kerajaan dan perkhidmatan kecemasan," katanya pada taklimat media mengenai ancaman siber tersebut di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, Datuk Dr. Amiruddin Abdul Wahab.

Pada 12 Mei lalu, dunia dikejutkan dengan serangan 'Ransomware WannaCry' yang menyerang kira-kira 150 negara sehingga kini.

Virus itu menguasai fail pengguna komputer dan meminta mangsa membayar sejumlah AS$300 (RM1,301) bagi memulihkan akses masuk sistem masing-masing.

Sementara itu, Wilfred Madius berkata, orang ramai dinasihatkan agar tidak panik dengan ancaman serangan siber tersebut tetapi mereka di minta untuk terus berwaspada dan berhati-hati dalam menggunakan komputer, Internet dan aplikasinya.

BERITA ONLINE
UTUSAN ONLINE
TARIKH: 18 MEI 2017 (KHAMIS)

VIRUS WANNACRY: ORANG RAMAI TAK PERLU PANIK

PUTRAJAYA 17 Mei - Orang ramai dinasihatkan agar tidak panik dengan ancaman serangan siber 'Ransomware WannaCry' yang melanda sistem rangkaian komputer di seluruh dunia ketika ini tetapi mereka diminta untuk terus berwaspada dan berhati-hati.

Wilfred Madius Tangau

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau berkata, kementerian bersama CyberSecurity Malaysia akan terus berusaha memastikan ruang siber negara sentiasa selamat dari apa jua serangan dan ancaman siber.

"Selepas kenyataan yang dibuat oleh Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, Datuk Dr. Amiruddin Abdul Wahab, kami menerima pelbagai reaksi orang ramai dari pelbagai sektor. Reaksi tersebut bukan kerana menerima ancaman serangan siber tetapi resah dan panik.

"Orang ramai jangan panik dengan situasi ini tetapi mereka harus berwaspada dan berhati-hati dalam menjalankan kehidupan seharian ketika menggunakan komputer, internet dan aplikasinya," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini. - UTUSAN ONLINE

http://www.utusan.com.my/berita/nasional/virus-wannacry-orang-ramai-tak-perlu-panik-1.482582#ixzz4hOKjtTMz

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 06
TARIKH: 18 MEI 2017 (KHAMIS)

Fairul Asmaini Mohd Pilus
dan Siti A'isyah Sukaimi
am@hmetro.com.my

KITA PULA 'MENANGIS'

■ *12 kes serangan Ransomware WannaCry dikesan di Malaysia*

Kuala Lumpur

Sekurang-kurangnya 12 kes serangan *Ransomware WannaCry* dikesan di Malaysia membabitkan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), firma pelaburan GLC dan syarikat insurans sejak virus berkenaan mula menyerang sistem komputer di 99 negara di seluruh dunia sejak Jumaat lalu.

Berdasarkan laporan Reuters yang memetik firma keselamatan siber di Malaysia I.E Global Services, sebuah GLC itu mula diserang virus berkenaan awal April lalu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Fong Choong Fook berkata, pihaknya sudah mengenal pasti 12 kes serangan setakat ini, termasuk sebuah syarikat besar GLC, sebuah firma pelaburan GLC dan sebuah syarikat insurans.

Bagaimanapun, beliau tidak menamakan syarikat terbabit.

"Kita belum lagi mendapat gambaran sebenar (mengenai serangan itu) kerana syarikat terbabit tidak boleh mendedahkan identiti mereka," katanya.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Wilfred Madius Tangau pula berkata, sehingga semalam, pihaknya hanya menerima dua laporan berkaitan serang virus berkenaan membabitkan organisasi swasta dan institusi akademik di negara ini.

Katanya, situasi pada masa ini terkawal, malah pihak kementerian bersama CyberSecurity Malaysia akan terus berusaha memastikan ruang siber negara sentiasa selamat daripada sebarang serangan dan ancaman.

"Semua organisasi di bawah infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (CNII) digesa terus memperkukuhkan sistem pertahanan siber bagi melindungi rangkaian komputer masing-masing.

"Organisasi CNII juga diingatkan menaik taraf sistem komputer dengan perisian terkini serta 'patch' keselamatan," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Pada masa sama, beliau berkata, mereka yang menerima serangan virus itu diminta tidak membayar sebarang wang untuk mendapatkan semula fail dikunci.

Madius berkata, pentadbir sistem rangkaian komputer juga perlu memiliki kepakaran, kemahiran dan kecekapan mengendalikan sesuatu insiden serta ancaman siber sejajar dengan perkembangan teknologi masa kini.

Justeru, katanya, mereka yang menjadi mangsa digesa membuat laporan kepada Pusat Bantuan Cyber999 CyberSecurity Malaysia melalui e-mel cyber999@cybersecurity.my, mycert@mycert.org.my atau talian 1-300-88-2999 bagi membolehkan pihaknya mengambil tindakan dan memberikan bantuan.

Menurutnya, aduan daripada orang ramai dapat membantu pihaknya mengambil tindakan dan dalam masa sama, dapat membantu orang lain daripada menjadi mangsa.

Sementara itu, akaun Facebook (FB) Harian Metro menerima beberapa komen daripada netizen yang mendakwa komputer syarikat dan komputer riba mereka diserang virus berkenaan.

Kakitangan sebuah syarikat swasta di ibu negara yang mahu dikenali sebagai Fahriza berkata, syarikatnya terkena serangan itu baru-baru ini apabila semua fail syarikat tidak dapat dibuka.

"Serangan 'ransomware WannaCry' menyebabkan semua fail penting di dalam sistem pelayan (server) syarikat dikunci dan lebih dahsyat, fail peribadi di dalam simpanan dropbox peribadi pun turut sama terjejas.

"Mujurlah, semua dokumen yang disimpan di dalam komputer riba terselamat dan sebagai jalan terakhir, syarikat terpaksa memformat semula server untuk menyelamatkan dokumen yang tidak dapat dibuka sebelum ini," katanya.

> **"Organisasi CNII juga diingatkan menaik taraf sistem komputer dengan perisian terkini serta 'patch' keselamatan"**
> *Wilfred*

Bagaimanapun dia, enggan mengulas ketika ditanya sama ada syarikatnya melaporkan kejadian itu kepada Cybersecurity atau sebaliknya.

Seorang lagi pengguna yang mahu dikenali Max juga mendakwa komputer riba miliknya turut terkena serangan virus menyebabkan dia terpaksa memformat semula komputernya.

"Saya tidak pasti dari mana ia datang kerana ia berlaku secara tiba-tiba saja dan semua fail tidak dapat dibuka seperti biasa.

"Mungkin, ia berpunca daripada muat turun dokumen dari laman web yang tidak sahih dan selepas ini saya akan lebih berhati-hati," katanya ketika dihubungi Harian Metro.



BERITA ONLINE
HARIAN METRO ONLINE
TARIKH: 18 MEI 2017 (KHAMIS)

SITUASI MASIH TERKAWAL

ORANG ramai diminta tidak panik terhadap serangan siber ransomware wannacry tetapi perlu sentiasa berwaspada menggunakan komputer, Internet dan aplikasinya.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Wilfred Madius Tangau berkata, situasi pada masa ini terkawal.

Katanya, pihak kementerian bersama CyberSecurity Malaysia akan terus berusaha memastikan ruang siber negara sentiasa selamat daripada sebarang serangan dan ancaman.

"Semua organisasi di bawah Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (CNII) digesa terus memperkukuhkan sistem pertahanan siber bagi melindungi rangkaian komputer masing-masing.

"Organisasi CNII juga diingatkan menaik taraf sistem komputer dengan perisian terkini serta diperkukuhkan keselamatan," katanya pada sidang media di Putrajaya hari ini.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia Datuk Dr Amirudin Abdul Wahab berkata, sehingga semalam, pihaknya menerima dua laporan insiden jangkitan ransomware wannacry membabitkan organisasi swasta dan institusi akademik.

Justeru, katanya, mereka yang menjadi mangsa digesa membuat laporan kepada Pusat Bantuan Cyber999 CyberSecurity Malaysia melalui emel cyber999@cybersecurity.my, mycert@mycert.org.my atau talian 1-300-88-2999 bagi membolehkan pihaknya mengambil tindakan dan memberikan bantuan.

Artikel ini disiarkan pada : Rabu, 17 Mei 2017 @ 6:33 PM

BERITA ONLINE
BERITA HARIAN ONLINE
TARIKH: 18 MEI 2017 (KHAMIS)

BH ONLINE

'JANGAN PANIK, ANCAMAN 'RANSOMWARE' TERKAWAL'

MENTERI Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau (tengah) bersama Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, Datuk Dr Amirudin Abdul Wahab ketika sidang media serangan siber Ransomware di Putrajaya. - Foto Mohd Fadli Hamzah

PUTRAJAYA: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) memberi jaminan serangan siber 'ransomware' di negara ini masih terkawal walaupun perisian kod hasad WanaCrypt0r 2.0. itu melumpuhkan rangkaian komputer di hampir 100 negara.

Menterinya, Datuk Seri Madius Tangau, berkata orang ramai dinasihatkan tidak panik atau mempercayai pelbagai mesej yang menjadi viral menerusi laman sesawang sejak kebelakangan ini.

Bagaimanapun, beliau menasihatkan pengguna berwaspada ketika menggunakan laman sesawang terutama menekan bagi mencapai sebarang pautan di media sosial.

"Pautan termasuk imej atau video menerusi aplikasi WhatsApp, Facebook, Instagram, Twitter atau aplikasi lain.

"Organisasi atau pentadbir sistem perlu berwaspada dan mengambil tindakan perlu bagi melindungi serta menjamin keselamatan infrastruktur rangkaian komputer mereka.

"Serangan virus itu berpunca daripada aplikasi berkenaan dan kealpaan pengguna internet itu sendiri," katanya pada sidang media khas mengenai 'ransomware' di sini, petang ini.

Madius turut menggesa orang ramai membuat laporan jika mendapati komputer mereka terkena serangan terbabit.

Sehingga kini, katanya, hanya dua laporan diterima CyberSecurity Malaysia (CSM) membabitkan sebuah organisasi swasta dan sebuah institusi pendidikan.

Ketua Pegawai Eksekutif CSM, Datuk Dr Amirudin Abdul Wahab, dalam satu kenyataan kelmarin, menasihatkan orang ramai supaya tidak mengklik pautan yang dihantar bersama e-mel dan fail mencurigakan selain merujuk kepada amaran serta nasihat CSM menerusi laman web korporat di bawah MyCERT untuk pencegahan.

Selanjutnya di : http://www.bharian.com.my/node/283627

BERITA ONLINE
BERNAMA ONLINE
TARIKH: 18 MEI 2017 (KHAMIS)

RANSOMWARE: JANGAN PANIK, RUANG SIBER DIJAMIN DILINDUNGI - MADIUS TANGAU

PUTRAJAYA, 17 Mei (Bernama) -- Orang ramai diminta supaya tidak panik dengan ancaman serangan 'Ransomware Wannacry' yang kini melanda di seluruh dunia kerana Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mengambil langkah sewajarnya untuk memastikan ruang siber negara terlindung daripada pelbagai serangan siber.

Menterinya Datuk Seri Madius Tangau berkata setakat ini CyberSecurity Malaysia hanya menerima dua laporan insiden jangkitan Ransomware Wannacry, iaitu melibatkan institusi pendidikan dan organisasi swasta.

"Kita akui ancaman serangan siber boleh berlaku tetapi dalam hal ini saya minta orang ramai tidak panik dan terus berwaspada. MOSTI bersama CyberSecurity Malaysia akan terus pastikan ruang siber negara terlindung daripada apa jua serangan dan ancaman siber,"katanya dalam sidang media mengenai ransomware di sini hari ini.....

BERITA ONLINE
ASTRO AWANI
TARIKH: 18 MEI 2017 (KHAMIS)

JANGAN PANIK DENGAN SERANGAN RANSOMWARE WANNACRY - MOSTI

PUTRAJAYA: Orang ramai diminta supaya tidak panik dengan spekulasi ancaman serangan *ransomware* WannaCry yang semakin berleluasa di seluruh dunia.

Menteri Sains, Teknologi dah Inovasi (Mosti), Datuk Seri Wilfred Madius Tangau menjelaskan setakat ini keadaan di Malaysia terkawal dan sehingga kini hanya dua laporan diterima pihak Cyber Security Malaysia (CSM).

Katanya, Mosti bersama CSM akan terus berusaha memastikan ruang siber negara sentiasa selamat daripada apa jua serangan dan ancaman siber.

"Selepas kenyataan yang dibuat oleh Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, Datuk Dr Amiruddin Abdul Wahab, kami menerima pelbagai reaksi orang ramai dari pelbagai sektor. Reaksi tersebut bukan kerana menerima ancaman serangan siber tetapi resah dan panik.

"Orang ramai jangan panik dengan situasi ini tetapi mereka harus berwaspada dan berhati-hati dalam menjalankan kehidupan seharian ketika menggunakan komputer, internet dan aplikasinya," katanya pada sidang akhbar, di sini, hari ini.
Beliau juga menasihatkan orang ramai supaya tidak membayar membayar wang tebusan bagi mendapatkan semula data mereka.

"Tidak ada jaminan bahawa data itu akan dikembalikan," katanya.

Sementara itu, pada sidang media sama, CSM menasihatkan mereka yang terjejas akibat ransomware WannaCry supaya melaporkan kejadian itu.

Ketua Pegawai Eksekutif CSM Datuk Dr Amirudin Abdul Wahab berkata ini akan membantu pihaknya menjalankan analisis teknikal dan mengesahkan *ransomware* yang terlibat.

Beliau berkata mereka boleh memberi nasihat dan juga cuba untuk mendapatkan semula data yang telah disulitkan jika mereka mempunyai penyahsulitan *ransomware* yang tertentu.

"Tidak ada caj untuk nasihat teknikal kami. Anda menolong diri anda sendiri dan lain-lain," katanya.

Beliau memberi jaminan identiti pelapor akan dirahsiakan.

Di bawah undang-undang, tidak diwajibkan untuk melapor insiden berkaitan malware atau *ransomware*kepada pihak berkuasa.

Amirudin berkata *ransomware* bukan suatu ancaman baharu sebaliknya telah wujud sejak 1986 dan menjadi semakin berleluasa sebagai ancaman siber bermula 2005.

Ia wujud dalam pelbagai nama, antaranya Cryptolocker, Cryptowall, CBT Locker, Teslacrypt dan Locky.



Orang ramai diminta supaya tidak panik dengan spekulasi ancaman serangan ransomware WannaCry yang semakin berleluasa di seluruh dunia. -Gambar fail

BERITA ONLINE
SINAR TV
TARIKH: 18 MEI 2017 (KHAMIS)

JANGAN PANIK SERANGAN 'RANSOMWARE WANNACRY'



https://www.facebook.com/sinar.tv/videos/1420046188042141/

BERITA ONLINE
NEW STRAITS TIMES
TARIKH: 18 MEI 2017 (KHAMIS)

NEW STRAITS TIMES ESTABLISHED 1845

RANSOMWARE ATTACK: MOSTI ADVISES PUBLIC NOT TO PANIC, BE AWARE OF SUSPICIOUS EMAIL

Science, Technology and Innovation (Mosti) minister Datuk Seri Wilfred Madius Tangau has advised the public to not panic and be aware on any suspicious email received in the wake of ransomware reports in Malaysia. (Bernama photo)

PUTRAJAYA: Science, Technology and Innovation (MOSTI) minister Datuk Seri Wilfred Madius Tangau has advised the public to not panic and be aware on any suspicious email received in the wake of ransomware reports in Malaysia.

Wilfred had said that awareness is crucial in preventing the attacks when the necessary is not taken.

"There are various reports from different sectors and for now, most (of the cases) are not related to the ransomware. However, organisations are encouraged to come forward and file a report if they suspect a ransomware incident.

"We (MOSTI) want to give confidence to the public that the situation is under control. We are cooperating very closely with Malaysia Computer Emergency Response Team (MyCERT) to avoid any cyber attacks from continuing to spread," added Tangau.

The malware targets users of Microsoft's Windows operating systems and MyCERT is advising users to update their software to avoid becoming a victim of the malicious ransomware.

There are preventive measures that public especially Microsoft users should take in order to guard their information online added MyCERT.

"Microsoft has introduced a 'patch' named MS17-010 made available for users to download since March as a preventive measure in the case of a cyber attack," said MyCERT head of department Megat Muazzam Abdul Mutalib.

The public can report to Malaysian Computer Emergency Response Team (MyCERT) 1-300-88-2999 or email them at cyber999@cybersecurity.my

https://www.nst.com.my/news/nation/2017/05/240195/ransomware-attack-mosti-advises-public-not-panic-be-aware-suspicious

BERITA ONLINE
THE STAR ONLINE
TARIKH: 18 MEI 2017 (KHAMIS)

REPORT RANSOMWARE TO US, SAYS CYBERSECURITY MALAYSIA

BY RASHVINJEET S. BEDI

PUTRAJAYA: CyberSecurity Malaysia (CSM) has urged those affected by ransomware attacks to report the incidents to them.

Its chief executive officer Datuk Dr Amirudin Abdul Wahab *(pic)* said this would help CSM conduct technical analyses and verify what ransomware was involved.
He said they could give advice and even try to recover data that was lost if they had the particular ransomware's decryption key.

"There is no charge for our technical advice. You're helping yourself and others, " he said at a press conference here on Wednesday to address the WannaCry ransomware issue.

He gave the assurance that the identities of those who reported to CSM would be kept confidential.

Under Malaysian law, there is no obligation for anyone to report incidences of malware or ransomware to the authorities.

CSM, an agency under the Science, Technology and Innovation Ministry, said that as of Wednesday, it had received two official reports of infections, one from an academic institution and another from a private organisation.

CSM did not give out any other details about these cases.

Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Madius Tangau urged people not to panic or be unnecessarily alarmed, but said they should be careful.
IT security firm LGMS told *The Star Online* that it knows of 16 WannaCry cases in Malaysia so far.

The WannaCry ransomware, which infected hundreds of thousands of computers in more than 150 countries, encrypts the data on a victim's computer or network, preventing users from accessing it.

The perpetrators promise to release the data if they are paid US$300 (RM1,300) in Bitcoin cyber-currency by each victim.

The WannaCry attack began last Friday and among those hit were Britain's National Health Service, Russia's interior ministry and international shipper FedEx.

According to a report in The Guardian, the ransomware uses a vulnerability first revealed as part of a leaked stash of NSA-related documents, which infects machines running Windows and encrypts their contents before demanding a ransom to decrypt these files.

A website that tracks WannaCry infections has been showing blips in Malaysia every now and then.

The website displays a blip whenever an infected computer pings its tracking servers, allowing it to map out a geographical distribution of the WannaCry infection.

The website was created by a 22-year-old British researcher known only as "MalwareTech", who was credited with discovering a "kill switch" that halted the outbreak.

http://www.thestar.com.my/news/nation/2017/05/17/report-ransomware-to-us-says-cyber-security-malaysia/#RC1wBGvCMFtwu3Wz.99

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 6
TARIKH: 18 MEI 2017 (KHAMIS)

Those affected by ransomware urged to report to CyberSecurity

PUTRAJAYA: Those whose computers or networks are infected by ransomware should report their case to CyberSecurity Malaysia.

This, said its CEO Datuk Dr Amirudin Abdul Wahab, would allow CyberSecurity to carry out technical analysis and determine the kind of ransomware involved.

CyberSecurity, he said, could also give advice and even try to recover the data lost if it had the particular ransomware's decryption.

"There is no charge for our technical advice. You're helping yourself and others," he told reporters here yesterday.

The identity of those who reported to CyberSecurity, said Dr Amirudin, would also be kept confidential.

Under the law, it is not obligated for anyone to report incidences of malware or ransomware to the authorities.

CyberSecurity, an agency under the Science, Technology and Innovation Ministry, said as on Wednesday, it had received two official reports of infections - one from an academic institution and another from a private organisation.

No other details on the two cases are available.

The WannaCry ransomware, which has already infected hundreds of thousands of computers in over 150 countries, encrypts data on a computer or network, preventing users from accessing this unless they pay US$300 (RM1,300) in Bitcoin currency.

IT security firm LGMS said it knows of 16 WannaCry cases here so far.

The WannaCry attack began last Friday and among those hit were Britain's National Health Service, Russia's interior ministry and international shipper FedEx.

A website that tracks WannaCry infections has been showing blips in Malaysia every now and then.

The website displays a blip whenever an infected computer pings its tracking servers, allowing a geographical distribution of the WannaCry infection to be mapped out.

The website was created by a 22-year-old British researcher known only as "MalwareTech", who was credited with discovering a "kill switch" that halted the outbreak.